

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-22

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22 Bina Darulaman Berhad ("BDB/Syarikat") akan diadakan di Intercontinental Hotel Kuala Lumpur, 165 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 16 Mac 2017 pada jam 11.00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata kewangan Diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit. **(Rujuk Nota Penjelasan 1)**
2. Cadangan untuk meluluskan dividen pertama dan terakhir sebanyak 4.50 sen untuk setiap saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. **(Resolusi 1)**
3. Cadangan untuk meluluskan pembayaran Yuran Pengarah sebanyak RM243,580.62 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. **(Resolusi 2)**
4. Untuk meluluskan pembayaran Manfaat (Directors benefits) Ahli-ahli Lembaga Pengarah menurut Seksyen 230 (1) Akta Syarikat 2016 mulai dari Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang: **(Resolusi 3)**
 - i. Manfaat Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, Pengarah Bebas dan Pengarah Eksekutif pada jumlah sebanyak RM718,000.00. **(Resolusi 4)**
5. Untuk melantik semula Dato' Izhah Bin Yusoff yang bersara menurut Artikel 86 Perlembagaan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **(Resolusi 5)**
6. Untuk melantik semula Asri Bin Hamidon yang bersara menurut Artikel 86 Perlembagaan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **(Resolusi 6)**
7. Untuk melantik semula Haji Abdul Rahman Bin Abdullah yang bersara menurut Artikel 86 Perlembagaan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **(Resolusi 7)**
8. Cadangan untuk melantik semula Tetuan KPMG PLT (dahulunya dikenali sebagai Tetuan KPMG) sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berikutnya serta memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan yuran mereka. **(Resolusi 7)**

Sebagai Urusan Khas

9. Cadangan Mandat Pemegang-Pemegang Saham Bagi Urusi-niaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan Yang Berbentuk Hasil Atau Dagangan. **(Resolusi 8)**

"BAHAWA, kelulusan adalah dengan ini diberi kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya ("Kumpulan BDB") untuk memeterai urusi-niaga-urusi-niaga berulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk hasil atau dagangan ("Urusi-niaga-Urusi-niaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan") seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 Pekeliling kepada Para Pemegang-Pemegang Saham bertarikh 22 Februari 2017, adalah seperti berikut:

- (i) Urusi-niaga-Urusi-niaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan dimeterai dalam urusan lazim perniagaan yang perlu bagi operasi harian Kumpulan BDB dalam terma komersial lazim yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding secara umumnya tersedia kepada orang awam, dan Urusi-niaga-Urusi-niaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan yang dilaksanakan pada asas transaksi setaraf dimana ianya tidak menjejaskan para pemegang-pemegang saham minoriti Syarikat; dan
- (ii) Mandat daripada Pemegang-Pemegang Saham adalah tertakluk kepada pembaharuan tahunan dan akan hanya berkuat kuasa sehingga:
 - (a) tamat Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") Syarikat yang akan datang, di mana mandat Pemegang-Pemegang Saham tersebut akan luput, melainkan resolusi tersebut diluluskan pada MAT yang akan datang di mana Mandat Pemegang-Pemegang Saham tersebut diperbaharui;
 - (b) tamat tempoh di mana MAT berikutnya selepas tarikh ia dikehendaki untuk diadakan menurut Seksyen 340 (2) Akta Syarikat, 2016 ("AS") (tertakluk kepada penangguhan seperti dibenarkan menurut Seksyen 340 (4) AS; atau
 - (c) dibatalkan atau dipinda melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam MAT yang mana lebih awal;

DAN BAHAWA kuasa diberikan kepada Pengarah Syarikat untuk melaksanakan semua segala tindakan, perubahan dan perkara untuk melaksanakan semua dokumen-dokumen yang mereka fikirkan sesuai atau perlu bagi yang terbaik kepada Syarikat ini dengan kuasa penuh untuk menyetujui sebarang syarat, perubahan, pengubahsuaian dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah pihak berkuasa yang berkaitan dan untuk berurusan dengan semua perkara-perkara yang berhubung dengannya dan untuk mengambil langkah-langkah dan melakukan semua tindakan dan perkara apa-apa cara yang mereka rasakan perlu atau suammanfaat untuk melaksanakan, menyelesaikan dan memberi kesan sepenuhnya kepada Urusi-niaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan yang dipertimbangkan dan/atau dibenarkan oleh resolusi biasa ini."

10. Untuk membincangkan perkara-perkara lain di mana notis berkaitan sudah diterima.

NOTIS PEMBAYARAN DIVIDEN DAN PENUTUPAN BUKU

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham, dividen satu peringkat pertama dan terakhir sebanyak 4.50 sen untuk setiap saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 akan dibayar pada 27 April 2017 kepada para pendeposit yang nama mereka tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 30 Mac 2017.

Pendeposit akan hanya layak untuk menerima dividen untuk:

- a) Saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 30 Mac 2017 bagi pindahan biasa; dan
- b) Saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan perintah Lembaga Pengarah,

KHAIRULMUNA BINTI ABD GHANI

(LS 0008190)

Setiausaha Syarikat
Alor Setar, Kedah

Tarikh: 22 Februari 2017

Nota

1. Berkaitan saham-saham yang sudah didepositkan, hanya ahli-ahli yang nama mereka tersenarai dalam Rekod Pendeposit setakat 10 Mac 2017 layak untuk hadir dan mengundi sewaktu MAT berlangsung.
2. Seorang ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini layak untuk melantik sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi yang dipilih tidak semestinya seorang ahli syarikat.
3. Surat cara perantikan proksi bagi individu hendaklah ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya dan sekiranya pelantik itu merupakan sebuah perbadanan, ia mestilah dimeterai atau ditandatangani oleh seorang pegawai atau peguam yang telah diberi kuasa.
4. Surat cara perantikan proksi hendaklah :
 - i. Dalam kes individu, ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya
 - ii. Dalam kes syarikat, sama ada dimeterai atau ditandatangani oleh seorang peguam atau pegawai yang telah diberi kuasa.
5. Surat cara perantikan seorang proksi beserta kuasa peguam atau sebarang kuasa lain hendaklah didepositkan di Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 9, Menara BDB, 88, Lebuhraya Darulaman, 05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman tidak kurang dari empat puluh lapan jam (48) jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat bersidang atau sebarang penangguhannya.
6. Bagi tujuan menentukan ahli yang berhak untuk menghadiri mesyuarat ini, Syarikat akan memohon daripada Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd selaras dengan Peraturan Pendeposit untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit dan menyerahkannya kepada Syarikat sejajar Artikel 52 (iii) Perlembagaan Syarikat dan Keperluan Penyenaraian Utama.
7. Sila rujuk butiran Pentadbiran yang diedarkan dengan notis ini untuk maklumat pentadbiran perjalanan MAT Syarikat ke-22.
8. Dengan mengemukakan surat cara perantikan seorang proksi atau lebih dan/atau wakil untuk hadir, bercakap dan mengundi di MAT dan/atau sebarang penangguhannya, ahli Syarikat (i) bersetuju untuk memproses data peribadi ahli Syarikat (atau ejen); (a) untuk memproses dan pentadbiran proksi dan wakil-wakil yang dilantik bagi MAT; (b) penyediaan dan penyusunan senarai kehadiran, minit dan dokumen yang lain yang berhubungan dengan MAT (termasuk sebarang penangguhan dengannya); dan (c) untuk mematuhi undang-undang terpakai, menyenaraikan kaedah-kaedah, peraturan dan/atau garis panduan (secara kolektif, "Tujuan-Tujuan"), (ii) wara bahawa dia telah mendapat proksi tersebut Syarikat (atau ejennya) dan/atau wakil data peribadi untuk tujuan, dan (iii) bersetuju bahawa ahli kena menanggung rugi Syarikat bagi apa-apa penalti, liabiliti, tuntutan, permintaan, kerugian dan kerosakan akibat daripada pelanggaran atau jaminan ahli.

NOTA PENJELASAN BAGI URUSAN BIASA:

1. PENYATA KEWANGAN DIAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

Penyata kewangan diaudit dalam Agenda 1 hanya bermatlamat untuk tujuan perbincangan sahaja lantaran persetujuan para pemegang saham tidak diperlukan di bawah peruntukan Seksyen 251 (1) Akta Syarikat, 2016. Sehubungan ini, agenda ini tidak akan diisulkan untuk pengundian oleh para pemegang saham Syarikat.

2. DIVIDEN PERTAMA DAN TERAKHIR 4.5 SEN SESAHAM BIASA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Pada 12 Februari 2017, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen pertama dan terakhir 4.50 sen sesaham biasa tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham sewaktu MAT ini.

3. PEMILIHAN SEMULA PENGARAH SELARAS ARTIKEL 86

Para pengarah yang layak untuk pemilihan atau perantikan semula pada MAT ke 22 Syarikat adalah Dato' Izhah Bin Yusoff, Asri Bin Hamidon dan Haji Abdul Rahman bin Abdullah. Profil para pengarah yang akan bertanding untuk pemilihan atau perantikan semula boleh diperolehi di halaman 21 sehingga 25 Laporan Tahunan 2016.

4. PERLANTIKAN JURUAUDIT

Jawatankuasa Audit telah mempertimbangkan untuk melantik semula Tetuan KPMG PLT (Dahulunya dikenali sebagai KPMG) sebagai Juruaudit Syarikat berdasarkan kriteria yang tertera di bawah Perenggan 15.21 Keperluan Penyenaraian Utama. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah telah menyarankan perantikan semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat pada 22 Februari 2017.

5. CADANGAN MANDAT PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM BAGI URUSI-NIAGA-URUSI-NIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERBENTUK HASIL ATAU DAGANGAN

Urusan biasa, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada Syarikat untuk masuk ke dalam mana-mana kategori urusi-niaga berulang dengan pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perniagaan sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 Pekeliling kepada Pemegang Saham Syarikat bertarikh 22 Februari 2017 ("Pekeliling") dengan syarat urus niaga tersebut adalah dalam perjalanan biasa perniagaan dan atas terma komersial biasa yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding dengan nilai umumnya agregat urusi-niaga yang menjalankan menurut Mandat Pemegang Saham yang dicadangkan pada tahun kewangan ini. Kuasa ini, kecuali dibatalkan atau diubah oleh Syarikat pada mesyuarat agung, akan tamat pada akhir MAT akan datang Syarikat atau sehingga habis tempoh di mana MAT Syarikat yang akan datang atau dikehendaki oleh undang-undang, yang mana lebih awal.